

# KPDNHEP Melaka sita 850 paket minyak masak bersubsidi

**Melaka:** Sebanyak 850 paket minyak masak bersubsidi disita daripada sebuah syarikat pembungkus di negeri ini selepas disyaki berlakunya penipuan timbangan berat, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka Norena Jaafar berkata, tindakan syarikat pembungkus minyak paket bersubsidi itu dikesan pihaknya menerusi serbuan dalam operasi pemutihan.

Beliau berkata, ketika serbuan, pihaknya mendapati berat minyak masak paket yang berada di situ tidak sampai satu kilogram.

"Kita buat pemeriksaan secara 'random' (rawak) dan mendapati beratnya kurang iaitu antara 900 hingga 901 gram sahaja.

"Kita sita 50 kotak yang setiap satunya ada 17 paket menjadikan keseluruhan 850 paket dan tindakan lanjut akan diambil ke atas syarikat pembungkus ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan pemeriksaan mengejut di beberapa premis pembungkus minyak paket berlesen di sekitar Batu Berendam, semalam yang turut disertai

Exco Perpaduan Pembangunan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem.

Menurutnya, kes itu diasiasat mengikut Seksyen 5(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 dibaca bersama Seksyen 6(1)(b) akta sama yang boleh didenda sehingga RM 250,000 bagi kesalahan pertama manakala RM 500,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

"Alasan yang diberikan pihak premis yang sudah beroperasi sejak 10 tahun lalu itu adalah kerosakan pada alat timbangan selain beberapa masalah teknikal lain.

"Susulan itu kita sedang sediakan kertas siasatan sebelum tindakan lanjut," katanya.

Sementara itu, Norena berkata, sehingga kini lapan syarikat pembungkus diperiksa KPDNHEP Melaka selepas kerajaan menghapuskan subsidi minyak masuk tulen berbotol bermula 1 Julai lalu.

"Penguat kuasa KPDNHEP mempergiatkan operasi ke atas 12 syarikat pembungkus yang terdapat di Melaka ini bagi memastikan tiada pihak yang cuba mengambil kesempatan," katanya.



NORENA bersama Ngwe (tiga dari kanan) ketika pemeriksaan di sebuah premis pembungkus di Batu Berendam.